



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3/3/2012

Kolokium Sejarah Malaysia

Kekejaman komunis tidak dimaafkan

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

USAI Kolokium Sejarah Malaysia, petang Sabtu minggu lalu, penulis menikmati minum petang dengan jamuan yang disediakan pihak penganjur. Ketika leka berbual dengan rakan-rakan media lain, kami didatangi seorang lelaki berketurunan Cina. Daripada lagak lelaki ini, kami sangka dia hanya singgah di situ mengambil rakan yang menyertai seminar tersebut. Tetapi katanya, dia pelajar Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Malaya.

"Kenapa orang tidak nampak apa kebaikan komunis? Kenapa kena selalu cakap komunis jahat? Kalau komunis tak datang sini saya rasa kita takkan berjuang untuk kemerdekaan," ungkapnya. Kami yang berada di situ tidak mengendahkan pertanyaan lelaki tersebut kerana isu berkaitan gerakan komunis di Malaysia suatu waktu dulu harus dilihat daripada pelbagai sudut.

Lihat sahaja sejauh mana catatan Dr. Ho Hui Lin melalui penelitiannya tentang "Suasana di Tanah Melayu Pada Zaman Darurat 1948-1960 - Satu Tinjauan" yang terkandung di dalam buku Sejarah Pembinaan Negara Bangsa mengungkap sisi sebenar keganasan komunis? Ia dapat menjelaskan betapa usaha membawa semula pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng ke negara ini bukan satu tindakan terpuji sebaliknya mempunyai misi yang tersembunyi.

Komunis bukan sahaja menyerah kalah pada 31 Julai 1960 tetapi kembali mengangkat senjata buat kali kedua pada 1967 sehingga perjanjian damai di Hatyai pada 1989. Sekalipun, berdasarkan fizikal gerakan komunis ini seolah-olah terpadam daripada lipatan sejarah dunia, tetapi usaha-usaha halus yang digerakkan pertubuhan ini sewajarnya diberi perhatian.

Pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya itu mencatatkan "Kezaliman tersebut memuncak membawa kepada pergaduhan besar sehingga orang Melayu bertindak balas di kawasan-kawasan luar bandar. Pergaduhan kaum telah berlaku di kawasan-kawasan seperti Sungai Manek, Batu Kikir, Lenggong, Jelabu dan Padang Lebar, Negeri Sembilan; Senggarang, Kluang, Mersing dan Batu Pahat, Johor; Pekan dan Raub, Pahang; Kampung Merbok, Kedah; Kota Bharu, Kelantan dan Alor Gajah, Melaka. Pada ketika itu, komunis telah melakukan banyak kecajahan di



MOHD. NOOR RAZAK

Tanah Melayu dan kegiatan komunis itu telah menjejaskan hubungan antara kaum di Tanah Melayu."

Hui Lin ketika mengupas isu mengenai kesan sosial kepada penduduk Tanah Melayu sepanjang tempoh itu menyifatkan, ia sebagai zaman gelap bagi penduduk Tanah Melayu. Namakan apa bentuk keganasan yang tidak ada, semuanya pernah dilakukan oleh komunis.

Kemuncak yang membawa pengisytiharan darurat berlaku lantaran pembunuhan tiga peladang Eropah di Sungai Siput, Perak berlarutan selama 12 tahun. Dalam tempoh itu, ia meninggalkan banyak kesan sosial kepada perubahan penduduk hingga mengakibatkan banyak kehilangan nyawa, harta benda, kemusnahan kampung dan impak ekonomi.

Bagi mengatasi kekejaman komunis ini, pihak berkuasa ketika itu mengambil beberapa langkah untuk



HO HUI LIN

memastikan keselamatan penduduk terjamin. Antaranya, memperkenalkan penggunaan kad pengenalan. Tetapi langkah ini membebaskan penduduk kerana mereka perlu membawa kad pengenalan setiap masa untuk melepasi pemeriksaan pihak berkuasa selain bimbang jika ia akan dirampas komunis.

Begitu juga apabila penduduk terpaksa dipindahkan ke kawasan yang lebih selamat, mereka perlu meninggalkan rumah, ternakan atau tanah pertanian yang diusahakan. Pada masa sama, penduduk juga tidak dibenarkan keluar rumah dan kawasan tempat tinggal sekali gus menyebabkan aktiviti harian terhenti dan putus bekalan

makanan seperti mana perintah berkurung yang dilaksanakan di Tanjung Malim pada 27 Mac 1952 dan Kampung Baru Pekan Nenas, Pontian, Johor pada pertengahan Julai 1953.

"Pihak berkuasa juga mewujudkan program dapur berpusat bagi mengelakkan komunis merampas bekalan beras daripada penduduk. Semua beras untuk kegunaan penduduk sama ada di kampung, estet atau lombong dimasak di dapur-dapur yang diatur oleh pihak berkuasa.

"Tetapi masalah lain pula yang timbul apabila terdapat penduduk mengadu nasi dari dapur berpusat berbau hangus dan cepat basi. Semua masalah yang timbul ini semakin menyukarkan penduduk Tanah Melayu ketika itu. Mereka seolah-olah tiada jalan keluar. Arahkan tutup kedai turut dikeluarkan dan masalah membina kehidupan di tempat baru," ujar beliau.

Namun, kepentingan pendidikan pada zaman darurat tetap diteruskan walaupun terdapat gangguan komunis di sesetengah tempat di kawasan luar bandar. Malah terdapat sekolah dinaikkan tutup oleh kerajaan kerana keselamatan pelajar dan guru terancam. Kerajaan kemudiannya membentuk jawatankuasa pendidikan untuk meninjau sistem pendidikan di sekolah-sekolah dan pententangan Laporan Razak 1956 tentang hala tuju pendidikan kebangsaan selepas merdeka.

Kekejaman komunis meresapi



ORANG ramai menunggu giliran untuk mendapatkan nasi di sebuah dapur berpusat yang diwujudkan oleh pihak berkuasa semasa zaman darurat.

segenap sudut kehidupan masyarakat terutama menjejaskan hubungan kaum. Sepertimana yang ditegaskan Hui Lin, keganasan komunis tiada tolok bandingnya kerana ia telah memusnahkan sistem dalam institusi masyarakat.

"Bayangkan berapa banyak aliran keluar duit digunakan untuk membanteras kekejaman komunis. Bagi setiap hari negara ini diancam keselamatannya oleh gerila komunis, sekitar RM300,000 dibelanjakan. Bagi setahun sahaja kosnya kepada rakyat tidak kurang RM110 juta dan tempoh darurat angkanya melebihi RM2.5 bilion - satu jumlah yang menggerunkan pada waktu itu," kata beliau.

Komunis daripada kaca mata Deputy Supritendan (B) Mohd. Noor Razak, 63, sebagai satu gerakan yang tidak pernah berputus asa untuk memerintah negara ini. Bahkan mereka menyasarkan untuk menguasai Malaysia pada 1995. Malangnya, cita-cita PKM tidak kesampaian.

"Pasukan 69 Komando ditubuhkan pada 1969 apabila komunis kembali mengancam pada 1967. Kami dilatih oleh tentera British yang pernah melatih komunis suatu waktu dulu dengan taktik gerila yang sama.

"Untuk menghidu pergerakan komunis, pasukan ini beroperasi dengan enam anggota sahaja untuk bergerak jauh ke dalam hutan dan kami duduk di sana sehingga berbulan lamanya.

"Sebenarnya, pasukan 69 Komando ditubuhkan dengan semangat juang yang jitu dan kebanyakannya terdiri daripada orang kampung," ujar beliau ketika berkongsi pengalamannya sebagai salah seorang jurulatih dan pegawai latihan pasukan 69 Komando pada kolokium tersebut.

Jujurnya, beliau mahu rakyat di

negara ini terutama generasi muda merenung kembali fakta sejarah sedalam-dalamnya. Di sebalik kekejaman dan keganasan komunis yang melingkari penduduk di negara ini, pihak berkuasa memainkan peranan yang cukup penting dalam mempertahankan negara daripada serangan komunis.

Mohd. Noor berkata, faktor utama yang membawa kepada kejayaan 69 Komando memuncak komunis timbul daripada perasaan sayang kepada rakan sepasukan dan pasukan serta patuh pada arahan ketua atau orang yang lebih senior.

"Paling penting, pasukan ini ditubuhkan ketika bukan zaman mewah dan kami membiayai sendiri segala peralatan termasuk uniform dan kasut yang dipakai di dalam hutan. Kami tidur dan hidup di dalam hutan seperti mana komunis bergerak di dalam hutan. Itulah semangat perjuangan 69 Komando," tegas beliau yang berkhidmat selama 15 tahun dalam pasukan 69 Komando sejak 1972.

Walaupun menyedari 69 Komando tidak sepertimana pasukan keselamatan lain dan kurang diberi perhatian oleh masyarakat, namun ia mencatat banyak kejayaan membanggakan. Menurut beliau, dalam tempoh 1969 hinggalah komunis menyerah kalah pada 1989, ia melibatkan 180 kali gerakan dengan 49 kali pertempuran di dalam hutan yang mengakibatkan lapan anggota komando manakala 36 pengganas komunis terbunuh.

"Jika ditanya mengapa saya menyertai pasukan ini, gerakan dan taktik gerila komando sebenarnya lebih mencabar berbanding pasukan lain yang membuat intipan secara luaran. Kami pula terus masuk ke hutan dan bertempur dengan komunis, lebih dekat dengan kumpulan sasaran," katanya.



PASUKAN 69 Komando ditubuhkan pada 1969 bagi mengesan pergerakan komunis di dalam hutan.